

Hadapi cabaran dengan gigih — Dr. M

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad menyeru semua pegawai perkhidmatan awam berusaha memajukan diri bagi menghadapi cabaran dan masalah pembangunan negara dan masyarakat.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, tugas-tugas yang dipikul oleh perkhidmatan awam pada hari ini semakin berat dan rumit sejajar dengan kemajuan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, sistem pengurusan dan perkhidmatan awam perlu berkembang dan berubah sesuai dengan kemajuan sistem poli-

tik, ekonomi dan sosial sesuatu negara.

"Keperluan ini harus disadari oleh semua pegawai-pegawai perkhidmatan awam supaya mereka berusaha untuk memajukan diri dan tidak ketinggalan zaman," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam perutusannya sempena keluaran pertama PERINTIS, majalah terbitan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU).

Bahan2 bacaan

Timbalan Perdana Menteri mengalu-alukan penerbitan PERINTIS bagi membanyakkan bahan-bahan bacaan ringkas dan sesuai untuk pegawai-pegawai perkhidmatan awam.

Katanya, bacaan dan renungan yang mendalam adalah penting untuk melahirkan keputusan dan tindakan yang tegas dan tepat.

Beliau berharap penerbitan tersebut menjadi saluran yang

berguna bagi semua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat.

"Saya yakin banyak bahan penyelidikan dan pemikiran baru dapat dipetik dan dijadikan panduan bersama untuk menambah kecekapan dan kemampuan pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam," tambahnya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman, dalam kata-kata aluannya berkata, peranan perkhidmatan awam dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan adalah amat penting, terutama pada masa negara sedang melangkah ke Rancangan Malaysia Keempat.

Beliau berkata, rancangan tersebut jauh lebih besar dari rancangan-rancangan lima tahun yang lalu dan oleh itu cabaran yang dihadapi adalah lebih rumit.

"Dalam konteks ini, kakitangan perkhidmatan awam hendaklah berpegang kukuh kepada teras Etika Perkhidmatan Awam."